

KESIMPULAN

PENUTUP

A. KESIMPULAN-KESIMPULAN

;

Berasaskan kepada perbincangan-perbincangan yang menyentuh mengenai kepercayaan Gereja Roman Katholik terhadap Jesus Christ sebagai penyelamat manusia daripada belenggu dosa warisan dapatlah dirumuskan bahawa ajaran tersebut adalah bertentangan dengan ajaran Islam yang mempercayai Jesus Christ adalah nabi Isa a.s yang diutus oleh Allah sebagai rasul kepada Bani Israel. Justeru menurut Islam, ajaran tersebut tidak bersumber daripada Jesus Christ atau nabi Isa a.s. Islam selanjutnya mengatakan bahawa ajaran sedemikian banyak disandarkan kepada *Epistles of Paul*. Ini jelas membuktikan bahawa ajaran tersebut telah diasaskan oleh St. Paul yang membawa idea bahawa semua manusia adalah berdosa dan Jesus Christ adalah sebagai penyelamat daripada dosa tersebut sebagai jalan penyelesaiannya.

Opis

Kepercayaan kepada Jesus Christ sebagai penyelamat telah meletakkan kematian Jesus Christ di tiang salib sebagai penebusan dosa warisan akibat perbuatan Adam dan Eve yang telah menimbulkan kemurkaan Tuhan. Walau bagaimanapun sifat kasih sayang Tuhan kepada manusia telah menukar kemurkaan-Nya kepada rahmat dengan mengurniakan zat-Nya yang dilitiskan kepada Jesus Christ. Justeru, Jesus Christ dikatakan lahir dalam keadaan suci kerana ia adalah *Son of God* dan *Son of Man*. Dengan itu hanya Jesus Christ

sahaja yang layak untuk memikul tanggungjawab sebagai penyelamat dan penebus dosa warisan.

Kepercayaan kepada Jesus Christ sebagai penyelamat di dalam Gereja Roman Katholik juga menjadikan Jesus Christ sebagai sandaran utama di dalam membina dan membangunkan doktrin manusia mewarisi dosa yang dilakukan oleh Adam. Dosa pertama yang diwarisi tersebut telah menyebabkan dalaman diri manusia rosak, kosong dan sentiasa terdedah kepada dosa dan kesalahan. Justeru, semua manusia hinggakan bayi yang baru lahir tidak dapat lari daripadanya kerana mereka merupakan keturunan Adam dan Eve. Hanya kepercayaan kepada Jesus Christ sebagai seorang penyelamat sahaja yang dapat menyelamatkan manusia daripada belenggu tersebut. Justeru beliau telah diperkenalkan sebagai manusia-Tuhan yang dinanti-nanti kedatangannya; merupakan *Son of Man* dan juga *Son of God* yang bertanggungjawab mendamaikan manusia dengan Tuhan melalui pengaliran darahnya sebagai suatu tindakan penyucian dan penyelamatan bangsa manusia daripada kesengsaraan dosa warisan.

Namun demikian, secara keseluruhannya konsep Jesus sebagai penyelamat yang diperkenalkan di dalam Gereja Roman Katholik adalah kabur dan boleh dipertikaikan kebenarannya. Ini kerana - penebusan dosa warisan ataupun *atonement* yang dilakukan oleh Jesus Christ bukan merupakan penebusan yang mutlak. Ini kerana selain daripada diwajibkan berkepercayaan sedemikian penganut

Gereja Roman Katholik diwajibkan pula melaksanakan praktikal yang berbentuk *sacrament* seperti baptis dan *Eucharist* atau *Lord's Supper*. *Sacrament-sacrament* tersebut diperkenalkan bagi tujuan penghapusan dosa warisan dan bersatu dengan Jesus Christ bagi mendapat keselamatan yang hakiki di hari Pengadilan kelak.

Apakah benar Jesus Christ telah menebus dosa warisan dengan kematiannya atau sebaliknya masih menimbulkan persoalan. Ini kerana menurut Gereja Roman Katholik dosa warisan akan terus menjangkiti manusia walaupun selepas penebusan dosa dilakukan oleh Jesus Christ. Dosa tersebut hanya akan dihapuskan dengan melakukan *sacrament* baptis melalui pemimpin gereja. Bagaimana pula dengan nasib umat-umat dan nabi-nabi dahulu khususnya dari kalangan bangsa Yahudi sebelum perutusan Jesus Christ yang tidak dihapuskan dosa warisan mereka dan tidak bersatu dengan Jesus Christ serta pelbagai lagi bentuk persoalan yang tidak begitu jelas.

Perbincangan mengenai Jesus Christ sebagai penyelamat juga telah memperlihatkan kedudukan Jesus Christ yang pada asalnya hanya sebagai seorang utusan Tuhan telah diangkat menjadi Anak Tuhan kerana semata-mata ingin menyelamatkan manusia daripada belenggu dosa yang diwarisi daripada kesalahan Adam dan Eve. Ajaran ini akhirnya telah diterima sebagai ajaran rasmi di dalam agama Kristian. Walhal agama samawi yang lain khususnya agama Islam telah menolak dengan jelas ajaran sedemikian.

Analisis dari perspektif Islam telah membuktikan bahawa dakwaan Gereja Roman Katholik yang percaya kepada Jesus sebagai penyelamat adalah berdasarkan kepada pengakuan Jesus yang terkandung di dalam *The Holy Bible* adalah ditolak. Ini berikutan di dalam Bible banyak kenyataan yang bercanggah dengan kenyataan yang mengatakan manusia itu berdosa semenjak dari dilahirkan.

Rumusan yang dibuat oleh tokoh-tokoh perbandingan agama juga membuktikan bahawa akses Gereja Roman Katholik kepada *The Holy Bible* di dalam mempertahankan kepercayaan mereka terhadap Jesus sebagai penyelamat juga telah dibuktikan sebagai tidak boleh diterima. Ini berikutan adanya kajian yang membuktikan bahawa penulisan dan perubahan telah dilakukan terhadap kedua kitab suci tersebut selepas ketiadaan Jesus Christ. Kupasan terhadap Bible Barnaba juga membuktikan bahawa Barnaba turut menolak konsep yang berpegang kepada Jesus Christ sebagai penyelamat bertaraf Tuhan.

Islam juga mengkritik secara terbuka melalui ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis nabi terhadap kepercayaan Gereja Roman Katholik yang mempercayai bahawa manusia adalah berdosa dan Jesus adalah sebagai Anak Tuhan yang berperanan sebagai penyelamat manusia daripada kemurkaan Tuhan. Di samping itu Islam juga mengancam dan melaknat kepercayaan Gereja Roman Katholik yang mengatakan bahawa nabi Isa telah mati disalib dan pensalibannya adalah sebagai pampasan kepada kesalahan yang telah dilakukan oleh Adam di Eden.

Selanjutnya Islam sebagai agama fitrah telah memperjelaskan secara tuntas dan ikhlas terhadap nabi Isa yang sebenarnya dan terhadap masalah dosa yang dilakukan oleh Adam di Syurga. Dalam penghuraiannya Islam telah menjelaskan bahawa kesalahan yang dilakukan oleh Adam itu adalah sebagai penyebab agar baginda dipindahkan ke dunia sebagaimana yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t di dalam takdir-Nya.

Islam merumuskan bahawa nabi Isa adalah manusia biasa yang dicipta oleh Allah; yang tidak mempunyai bapa sebagai bukti kebesaran Allah. Al-Qur'an juga dengan segala sifat kesempurnaannya telah menceritakan secara jelas bahawa nabi Isa a.s tidak mati disalib tetapi Allah telah menyelamatkan baginda dengan mengangkatnya ke langit.

Oleh kerana itu, menurut pandangan Islam segala pentafsiran dan penjelasan daripada Gereja Roman Katholik terhadap kepercayaan bahawa Jesus Christ adalah penyelamat bertaraf Tuhan di dalam membebaskan manusia daripada belenggu dosa warisan adalah berkait rapat dengan usaha St. Paul sebagai pengasas yang bertanggungjawab memperkenalkan idea tersebut untuk meletakkan Kristian sebagai agama berbentuk universal. Usaha St. Paul tersebut adalah bertujuan untuk menghancurkan agama Kristiän secara halus.

B. SARANAN-SARANAN

Berdasarkan perbingangan-perbincangan yang telah dibentangkan, penulis merasakan bahawa penganalisaan terhadap Jesus Christ sebagai penyelamat menurut Gereja Roman Katholik dan analisis Islam mengenainya telah dilaksanakan. Namun terdapat beberapa perkara lain yang boleh dibincangkan lebih lanjut. Justeru, penulisan ini mengesyorkan beberapa saranan yang perlu dilihat oleh pengkaji seterusnya dan umat Islam amnya dalam perkara-perkara berkaitan tajuk kajian.

Antaranya ialah perkara berkaitan dengan konsep penyelamat atau *saviour*. Selain daripada Gereja Roman Katholik, di dalam agama Hindu juga mempunyai konsep penyelamat atau *saviour*. Tinjauan secara umum oleh penulis mengenai persoalan tersebut mendapati terdapat persamaan di antara Kristian dan Hindu iaitu masing-masing berkeyakinan bahawa penyelamat tersebut merupakan jelmaan Tuhan atau daripada titisan zat Tuhan kepada manusia. Bezanya cuma di dalam Kristian penyelamat tersebut adalah Jesus Christ sedangkan di dalam agama Hindu penyelamat yang ditunggu-tunggu kedatangannya adalah *avatar* (*incarnate*) Tuhan Vishnu iaitu Kalki. Justeru penulis menyarankan agar penyelidik berikutnya membuat kajian berbentuk perbandingan antara konsep penyelamat atau *saviour* di dalam agama Kristian dan Hindu.

Selain syor di atas, kajian ini ingin menyarankan agar suatu penyelidikan berbentuk perbandingan dilakukan terhadap konsep penyatuan diri dengan Tuhan. Jikalau di dalam Gereja Roman Katholik terdapat kepercayaan bahawa menerusi *sacrament Eucharist* seseorang itu boleh bersatu dengan Jesus Christ yang dipercayai sebagai *Son of Man* dan *Son of God*. Hal yang sama turut terdapat di dalam aliran tarekat wujudiah di Malaysia yang mendakwa syeikh mereka boleh *hulul* atau *tajalli* (zat Tuhan meresapi zat mereka) yang kononnya akan membawa mereka ke makam *shatahah* dan *fana'*. Sejauhmanakah di antara kedua kepercayaan ini mempunyai persamaan dan perbezaannya.

Penulisan ini menyarankan juga agar suatu kajian perbandingan secara kritis dibuat berhubung dengan konsep agama universal di dalam Islam dan Kristian. Ini kerana Gereja Roman Katholik yang terpengaruh dengan idea St. Paul mempercayai bahawa penebusan Jesus adalah penebusan yang bersifat sejagat. Justeru agama Kristian adalah universal. Di dalam masa yang sama Islam juga mendakwa bahawa ia adalah agama universal yang sebenar. Kehadirannya telah memansuhkan segala ajaran yang terdahulu termasuk agama Kristian. Dengan adanya kajian berbentuk seperti di atas diharapkan dapat memperjelas secara tuntas kepada pembaca akan kebenaran dan ketinggian Islam.

Selain daripada saranan tentang bentuk kajian-kajian susulan yang patut dilakukan oleh pengkaji mahupun pembaca lain, kajian ini juga turut mencadangkan kepada umat Islam khususnya di Malaysia tentang langkah-langkah yang perlu

diambil bagi menjamin *survival* Islam sebagai agama rasmi negara. Antaranya ialah:

- a. Umat Islam di Malaysia disaran agar diberi pendedahan dan pengetahuan tentang ilmu akidah yang berfokus kepada menolak ajaran-ajaran yang menyeleweng. Selama ini pengajian akidah di Malaysia lebih berfokus kepada persoalan sifat dua puluh dan rukun-rukun Iman dan Islam sahaja. Perubahan ini penting bagi tujuan mempertahankan Islam sebagai agama yang dijamin oleh Allah sebagai agama yang benar. Ilmu perbahasan akidah yang mantap akan menjadikan mereka umat yang mengetahui kebenaran yang hakiki.
- b. Setelah umat Islam di Malaysia mantap di dalam akidah Islam dan fasih berhujah mereka hendaklah diberikan pula pendedahan dengan pengetahuan ilmu perbandingan agama. Ini penting kerana di dalam sesuatu perbahasan sewajarnya kita mengetahui seluk beluk mengenai keperibadian dan kelemahan pihak lawan. Jika perkara ini gagal dikuasai adalah dibimbangi terdapat di kalangan umat Islam apabila dikalahkan di dalam perbahasan pegangan mereka kepada Islam menjadi longgar dan goyah.
- c. Galakan agar mempelajari ilmu perbandingan agama kepada masyarakat Islam di Malaysia hendaklah dipergiatkan. Ini kerana perkembangan kesedaran tentang agama di Malaysia bukan sahaja berkembang di kalangan umat Islam tetapi ianya juga telah berkembang pesat di kalangan penganut agama-agama lain, khususnya agama Kristian, Hindu dan Buddha. Dibimbangi dengan suasana amalan beragama sekarang yang bersifat toleransi antara agama akan

menyebabkan umat Islam terpengaruh dengan propaganda mereka. Jika keadaan ini berlaku maka gejala murtad akan berleluasa. Ini akan membawa kelemahan kepada umat Islam di Malaysia.

- d. Umat Islam diseru agar mempersiapkan diri mereka untuk menghadapi zaman persaingan agama yang lebih mencabar yang mana merupakan zaman maklumat tanpa batasan. Pengetahuan tentang agama selain daripada agama Islam adalah perlu untuk memperlengkapkan diri mereka dengan perkara-perkara asas tentang agama lain dan seterusnya menguatkan keimanan mereka dengan agama Islam. Umat Islam juga perlu memperlengkapkan diri mereka dengan kemahiran teknologi maklumat. Ini kerana di zaman maklumat tanpa batasan ini propaganda agama melalui kemudahan teknologi maklumat terutamanya melalui internet adalah begitu meluas dan tidak terkawal. Propaganda daripada agama Kristian yang begitu tersusun dan menggunakan logik akal boleh mempengaruhi pemikiran dan minda golongan pembaca yang buta agama.
- e. Umat Islam juga hendaklah membebaskan diri mereka daripada kejumudan pemikiran dengan beranggapan bahawa tidak perlu untuk mengetahui malahan mempelajari tentang ajaran-ajaran agama lain selain daripada agama Islam. Tanggapan seumpama ini hendaklah dihapuskan dan dipadamkan di dalam pemikiran masyarakat Islam. Keadaan ini akan membuatkan agama Islam tidak dapat disebarkan keagungannya melebihi agama-agama lain.
- f. Selain daripada masyarakat Islam, golongan pendakwah Islam juga hendaklah mempersiapkan diri mereka dengan ilmu perbandingan agama. Selain daripada

mengetahui tentang metod-metod dakwah, pengetahuan tentang agama lain juga adalah perlu sebagai pelengkap diri apabila berhadapan dengan para penganut agama lain khususnya para missionari Kristian dan hendaklah juga mempersiapkan diri mereka dalam bidang teknologi maklumat. Ini kerana penyebaran propaganda agama melalui saluran tersebut adalah lebih mudah, murah dan mampu menarik golongan pembaca.

- g. Sebagai suatu tambahan, golongan pendakwah dan missionari Islam juga perlu mempersiapkan diri mereka dengan ilmu-ilmu untuk berhujah dan juga ilmu logik akal atau *rationalisme*. Ini kerana hanya dengan cara ini sahaja mereka dapat mematahkan serangan dan hujah pihak lawan, selain daripada kemahiran memberikan dalil daripada kitab suci mereka dan juga daripada al-Qur'an serta al-Hadis.
- h. Selain daripada itu golongan sarjana muslim terutamanya yang terlibat di dalam bidang perbandingan agama juga sepatutnya memainkan peranan mereka di dalam menyebarkan maklumat mengenai agama Islam kepada masyarakat Islam dan bukan Islam dengan lebih proaktif. Banyak cara boleh dilakukan; di antaranya dengan menulis dan menerbitkan buku-buku yang berkaitan dengan bidang perbandingan agama. Ini secara tidak langsung akan menambahkan lagi bahan bacaan yang ditulis dan dikaji sendiri oleh orang-orang Islam. Ini kerana kebanyakan buku-buku yang berkaitan dengan bidang ini adalah ditulis oleh golongan sarjana Kristian Barat dan orientalis yang jelas mahu memusnahkan agama Islam. Mereka juga perlu memperlengkapkan diri dengan bidang

teknologi dan mempunyai *homepage* sendiri untuk menyampaikan dakwah agama Islam dengan lebih mudah.

- i. Akhir sekali golongan korporat Islam di Malaysia juga diseru agar mengeluarkan peruntukan di dalam mencetak dan mengedarkan risalah mengenai prinsip Islam yang luhur di gedung-gedung perniagaan, pusat-pusat pelancongan dan hotel-hotel di seluruh negara. Pengembelian tenaga daripada semua yang terlibat di atas amat perlu bagi menjadikan Islam sebagai agama yang tetap akan *survive* di Malaysia bagi alaf baru ini.

Akhir sekali penulis berharap dengan kajian dan perbahasan yang telah dilakukan di dalam kajian ini akan dapat membantu memberikan sumbangan untuk menyebarkan dan mempertahankan agama Islam daripada fahaman kekufuran. Walaupun penulisan yang dilakukan adalah nipis, tetapi diharapkan ianya dapat memberikan manfaat kepada para pembaca dan juga kepada keteguhan agama Islam sebagai agama yang paling agung. Ianya juga diharapkan agar dapat membuka mata masyarakat Islam di Malaysia untuk turut serta secara aktif memperkembangkan ilmu perbandingan agama di kalangan masyarakat Islam.